

16/03/2002

PM minta salah tafsir Islam diperbetul

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, segala salah tafsir mengenai Islam hendaklah diperbetulkan supaya ummah dapat menghayati dan mengamalkan ajaran sebenar agama itu.

Perdana Menteri berkata, umat Islam perlu berusaha mengembalikan kefahaman dan penghayatan Islam yang murni serta membuktikan bahawa kemunduran, kejahatan dan segala unsur negatif yang ada di kalangan ummah bukan daripada ajaran Islam.

"Sebaliknya, ia adalah salah tafsir yang diamalkan oleh umat Islam sendiri," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena perhimpunan Sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan yang diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan menyempurnakan sambutan itu yang turut dihadiri Raja Permaisuri Agong. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata, agama Islam dianuti lebih satu bilion penduduk dunia yang dipisahkan mengikut sempadan geografi.

Beliau berkata, setelah melalui perkembangan agak panjang, sebahagian umat Islam terbentuk dalam kelompok yang mempunyai perbezaan kefahaman disebabkan tafsiran mengenai agama Islam dan darjah komitmen mereka.

"Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat membentuk satu tamadun Islam jitu yang dapat menyumbang kepada perkembangan tamadun dunia.

"Sebahagian mereka sering menimbulkan perbalahan dan ingin menjatuhkan satu sama lain yang menjadi satu ancaman pula kepada perkembangan Islam itu sendiri. Akhirnya, perkara negatif dalam kehidupan selalunya dikaitkan dengan umat Islam," katanya.

Beliau berkata, Islam sebenarnya agama yang mengajak penganutnya hidup bersatu padu, bertolak ansur, bekerja kuat, berilmu dan berkemahiran serta mengamalkan semua perkara positif dalam kehidupan.

Islam adalah agama yang bersifat sejagat, sesuai diamalkan di mana-mana tempat dan masa serta untuk semua kaum di dunia.

"Sepatutnya, umat Islam lebih maju, lebih cemerlang dalam segenap bidang kehidupan dan boleh dijadikan contoh ikutan oleh umat lain di dunia. Malangnya, apa yang berlaku sekarang adalah sebaliknya," katanya.

Dr Mahathir berkata, tema sambutan tahun ini iaitu 'Bersama Hayati Keindahan Islam' mengajak umat Islam di Malaysia khususnya, supaya merenung hakikat ajaran Islam yang dianuti.

Katanya, penghijrahan Nabi Muhammad dari Makkah ke Madinah adalah satu peristiwa penting dalam perkembangan Islam. Bermula dari peristiwa itulah tersebar agama Islam ke seluruh pelosok dunia.

Sementara itu, dalam perutusan yang sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata umat Islam kini berdepan dengan pelbagai cabaran, tetapi cabaran akan datang adalah lebih besar dan hebat.

"Bagi menghadapi cabaran ini, umat Islam terpaksa melengkapkan diri dengan kekuatan mental dan fizikal di samping dapat menyesuaikan diri dalam dunia yang bersifat global dan sejagat," katanya.

(END)